

# BRT pemangkin pengangkutan awam di Johor

[Omar Ahmad](#) - April 8, 2021 @ 12:46pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

ISKANDAR PUTERI: Kerajaan negeri yakin Bas Rapid Transit (BRT) Iskandar Malaysia mampu menjadi pemangkin pembaharuan pengangkutan awam di Johor, sekali gus meningkatkan kadar penggunaan pengangkutan itu dalam kalangan masyarakat.

Ia berikutan sistem yang sedang dalam tempoh percubaan selama tiga bulan itu mempunyai kelebihan seperti ketepatan jadual perjalanan, keselesaan pengangkutan dan menggunakan teknologi hijau.

Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad, berkata BRT itu yang akan beroperasi pada tahun 2023 juga menjadi pelengkap jajaran Sistem Rapid Transit (RTS) dari Bukit Chagar ke Woodland yang akan beroperasi akhir tahun 2026.

"Saya yakin BRT Iskandar Malaysia berada di landasan yang tepat. Apabila kita mempunyai RTS, ia bukan hanya dapat menyelesaikan kesesakan di Tambak Johor kerana ada laluan kedua, tetapi ia dapat memberi peluang RTS membawa 10,000 penumpang setiap jam.

"Sebab itu sistem BRT menjadikan operasi RTS lebih berkesan dan bermakna kepada pengguna atau penduduk kawasan Johor Bahru dan negeri ini amnya," katanya pada sidang media selepas pelancaran ujian rintis BRT Iskandar Malaysia di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur, Mohd Solihan Badri dan Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Azmi Rohani .



Kerajaan negeri yakin BRT Iskandar Malaysia mampu menjadi pemangkin pembaharuan pengangkutan awam di Johor. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan

BRT dijangka mempunyai liputan rangkaian sepanjang 2,051 kilometer (km) termasuk 63km (Trunk Line), 1,247km (Direct Line) dan 741 km (Feeder Line), membabitkan pelbagai laluan.

Tiga laluan utamanya membabitkan kawasan Iskandar Puteri, Skudai dan Tebrau dengan 33 stesen serta sebuah terminal utama, dijangka mula dibina menjelang akhir tahun ini.

Hasni berkata, pengangkutan awam sedia ada perlu dibuat penambahbaikan dari beberapa sudut, bagi menarik minat masyarakat menggunakan perkhidmatan itu.

Beliau berkata, antaranya ketepatan jadual perjalanan bas sampai ke stesen, keselamatan, jenis pengangkutan dan harga tambang dikenakan.

"Saya memberi penekanan kepada BRT Iskandar Malaysia, yang penting kempen kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat.

"Sama ada bas Muafakat ataupun pengangkutan awam yang ada, kita tahu banyak ruang untuk penambahbaikan. Perkara itu dalam pertimbangan dan perancangan apabila BRT Iskandar Malaysia dibangunkan," katanya.



Majlis Pelancaran Ujian Rintis BRT Iskandar Malaysia, hari ini. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan  
Sementara itu, Ismail berkata, menjelang 2025, rangkaian liputan pengangkutan BRT ini akan dipertingkatkan daripada 39 peratus kepada 90 peratus kawasan pembangunan ekonomi Iskandar Malaysia.

Katanya, ia sekali gus meningkatkan peralihan penggunaan pengangkutan awam dari 15 peratus kepada 40 peratus.

"BRT Iskandar Malaysia diperkenalkan untuk memberikan rakyat Johor sebuah sistem pengangkutan awam lebih dipercayai dan dapat membantu mempercepatkan pertumbuhan sosioekonomi rantau ini.

"Ia juga bertujuan meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat secara keseluruhan kerana ia mengutamakan sistem yang efisien, efektif, mampu biaya, kos senggara yang rendah dan kos pembinaan yang munasabah," katanya.



Hasni (duduk dua dari kiri) dan Mohd Solihan (kanan) bergambar dalam bas selepas Majlis Pelancaran Ujian Rintis BRT Iskandar Malaysia, hari ini. - NSTP/Nur Aisyah Mazalan